

10/10/1998

Kerajaan tidak campuri urusan mahkamah adili Anwar

NAMPAKNYA Tun Ghafar Baba tidak berjaya dalam masa lawatannya ke Jakarta baru-baru ini untuk menjelaskan kedudukan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada media dan tokoh Indonesia.

Sebaliknya Ghafar dituduh oleh media dan sesetengah kalangan di Jakarta sebagai menghina kerajaan dan bangsa Indonesia serta menuntut agar beliau dianggap sebagai pelawat yang tidak diingini di Indonesia.

Ghafar dalam kenyataannya berikutan bantahan media serta pemimpin Indonesia menjelaskan bahawa beliau telah disalah erti oleh media Indonesia. Apa yang diperkatakan dalam sidang media sebagai jenaka sebaliknya ditafsirkan sebagai kenyataan yang `serius'. Menurut beliau, dia hanya berseloroh saja.

Pemergian Ghafar ke Indonesia tidak ada kaitan dengan kerajaan Malaysia. Kunjungannya adalah urusannya sendiri tanpa ditaja mana-mana pihak rasmi sama ada Wisma Putra atau Perdana Menteri.

Ghafar melakukan lawatan itu kerana didorong rasa tanggungjawabnya sendiri untuk menghilangkan kekeliruan media Indonesia serta pemimpin di Jakarta mengenai isu Anwar.

Bahawa Ghafar kecewa mencapai maksudnya barangkali tidak menghairankan. Usaha menghilangkan kekeliruan dan salah faham pada pihak orang lain biasanya tidak mudah. Ia memerlukan kesabaran dan pendekatan yang mengambil kira beberapa faktor.

Satu daripadanya ialah persekitaran politik di Indonesia. Persekitaran politik di Indonesia hakikatnya sudah jauh berubah daripada keadaannya dalam era Suharto. Media Indonesia kini dalam keadaan ghairah dengan kebebasan yang menjadi kurniaan Presiden Habibie kepada mereka. Demikian juga rakyatnya kini merasa jauh lebih selesa untuk menyatakan pendapat dan fikiran mereka berbanding pada zaman rejim Suharto.

Sekalipun keadaan politik di Indonesia tidak berubah, hakikat yang selama ini menjadi amalan kita dalam sebarang urusan dengan Indonesia ialah negara itu sebagai saudara tua dan `abang' kepada kita yang amat sensitif terhadap kedudukan dan statusnya sebagai negara terbesar di rantau ini.

Malaysia selama ini amat berhati-hati menangani perhubungannya dengan Indonesia sejak daripada zaman Tunku Abdul Rahman membawa kepada zaman Tun Razak hingga kepada era Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bukan saja Malaysia tetapi juga Singapura amat berhati-hati kerana Indonesia adalah jiran terbesar di rantau ini.

Presiden Habibie tersinggung kerana kerajaan Singapura agak terlewat mengirim utusan tahniah kepadanya di atas pelantikan beliau sebagai presiden.

Dia pernah menyatakan kesalnya terhadap Singapura yang dianggapnya teman dalam masa senang tetapi bukan ketika Indonesia sedang dalam kepayahan.

Walaupun tidak terus terang diperkatakan oleh Jakarta, Habibie membuat keputusan tidak dapat mengadakan lawatan selama sehari ke Malaysia atas alasan terlalu sibuk dengan urusan kerajaan dan negara.

Sama ada keputusan ini sebagai tanda beliau tidak senang dengan lawatan Tun Ghafar, tidaklah diketahui.

Apakah kesannya kepada media Indonesia pada masa hadapan, adakah mereka akan terus bersikap `negatif' dalam liputan dan tulisan mengenai isu Anwar?

Sebuah berita agensi asing kelmarin melaporkan betapa duta Malaysia di

Manila menghadapi kesulitan untuk menjelaskan kedudukan sebenar isu Anwar kepada kerajaan dan pemimpin Filipina.

Presiden Joseph Estrada membela Anwar malah menyatakan tidak akan menghadiri sidang puncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur sebagai tanda membantah penahanan Anwar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negari (ISA).

Bagaimanapun Estrada kemudian menyatakan akan ikut serta dalam sidang Apec.

Bahawa kita masih hadapi masalah `imej' bahkan di kalangan negara sahabat di rantau ini atas isu Anwar tidak harus dianggap oleh kita sebagai satu perkembangan yang berlarutan. Perbicaraan mahkamah ke atas Anwar diharapkan akan menjernihkan kedudukan isu itu.

Usaha seperti ini, iaitu membersihkan kekeliruan orang luar terhadap kita biasanya memakan masa, memerlukan kesabaran dan pendekatan realistik.

Masalah seperti ini juga pernah kita hadapi dalam zaman penubuhan Malaysia yang membabitkan kita dalam satu krisis `imej' dengan negara-negara berkecuali. Sukarno menyifatkan Malaysia sebagai anak kandung neo-kolonialisme.

Dengan Manila, kita menghadapi masalah tuntutan Macapagal terhadap Sabah. Akhirnya Sukarno melancarkan `konfrantasi' ke atas Malaysia untuk `mengganyang' kita.

Tetapi sedikit demi sedikit usaha Sukarno untuk memencilkan Malaysia dapat digagalkan dan pemulihan hubungan dapat diselenggarakan dengan Indonesia serta Filipina.

Ujian yang menghadapi Malaysia pada masa itu lebih besar daripada cabaran pada masa ini. Rahsia kejayaan Malaysia mengatasi ujian itu ialah perpaduan rakyatnya dan usaha yang gigih walapun sedikit demi sedikit menyakinkan sahabatnya untuk menerima kebenaran.

Satu berita dari Jakarta kelmarin menunjukkan tidak seluruh masyarakat Indonesia tidak memahami isu Anwar.

Berita dari Jakarta itu memetik seorang tokoh agama Islam yang berpengaruh, Ketua Umum Nahdatul Ulama (NU), Abdul Rahman Wahid atau lebih dikenali sebagai Gus Dur sebagai berkata, beliau tidak akan memihak kepada sesiapa dalam isu pemecatan Anwar.

Gus Dur mengakui betapa sukarnya untuk mengetahui apa yang terjadi di Malaysia dan "Siapakah yang benar antara Anwar dan Dr Mahathir?".

Gus Dur berkata, dalam mencari kebenaran kepada persoalan itu, beliau percaya segala teka-teki dan jawapannya hanya ada pada mahkamah yang mengadili Anwar. Apa juga keputusannya harus dihormati.

Kelmarin saya ditemuramah seorang wartawan Indonesia dari sebuah majalah terkemuka di Jakarta. Saya menjelaskan Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai undang-undang dan Anwar akan diberikan hak sepenuhnya untuk membela diri dalam mahkamah.

Ada empat lapisan mahkamah yang akan menghakimi Anwar, kata saya, iaitu mahkamah sesyen, mahkamah tinggi, mahkamah rayuan (tiga hakim) dan mahkamah agung (tiga hakim) hingga membawa kepada rayuan kepada Yang Di-Pertuan Agong.

Yang demikian, perbicaraan akan diselenggarakan selapis demi selapis, peringkat demi peringkat.

Kerajaan tidak akan mencampuri urusan mahkamah bahkan pernah berlaku dahulu, mahkamah mengambil keputusan mengharamkan parti pemerintah dan mengisytiharkannya sebagai pertubuhan yang tidak sah di sisi undang-undang.

Umno terpaksa dibubar dan mendaftarkan dirinya semula untuk mendapat kembali kedudukan sebagai sebuah parti yang sah.

(END)